

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS
(JERANTUT)**

**TARIKH : 26.5.2016
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah pihak Kementerian akan meningkatkan penggunaan *Unmanned Airbone System (UAV)* yang terbukti kos efektif dan berkesan bagi operasi risikan dan tinjauan terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara, Kementerian Pertahanan sentiasa berusaha untuk memperlengkapkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan pelbagai aset dan peralatan terkini berdasarkan bentuk ancaman semasa yang mengambilkira kemampuan kewangan negara. Penggunaan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) adalah salah satu usaha Kementerian Pertahanan untuk melonjakan keupayaan ATM khususnya perisikan tentera dalam melaksanakan aktiviti pemantauan dan pengutipan maklumat perisikan di kawasan sensitif termasuk di kawasan persempadanan negara.